

U GR 21-05 00182 RA774

Aah

Mahathir - Wawasan

KUCHING, 21 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata wawasannya supaya Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020 akan dapat dicapai pada tempoh yang ditetapkan itu sekiranya rakyat sanggup bekerja keras.

Dengan keadaan yang aman dan kerjasama yang kukuh daripada rakyat yang berbilang kaum, matlamat pembangunan negara melalui wawasan itu bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan, katanya.

+Tidak ada maknanya mempunyai satu wawasan kalau rakyat tidak bersedia untuk bekerja lebih keras,+ katanya selepas mendengar taklimat pembangunan Sarawak di Bilik Gerakan Negeri, Wisma Rapa Malaysia di Petra Jaya petang ini. Perdana Menteri dalam lawatan empat hari ke negeri ini mulai hari ini.

Beliau mengibaratkan +Wawasan 2020+ itu seumpama seseorang yang mempunyai sepasang mata dengan visi yang sempurna -- sama seperti negara yang perlu mempunyai wawasan masa depan yang jelas.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kemajuan negara dalam masa yang singkat sejak merdeka juga memberi harapan bahawa lebih banyak lagi pembangunan akan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan selepas ini. -- Lagi.

♥21/05/18-55MST

U GR 21-05 00128 RA775

Aah

Mahathir - Wawasan 2 Kuching

Mengenai lawatan beliau dan anggota kabinet persekutuan ke Sarawak bagi menghadiri mesyuarat kabinet di sini esok, beliau berkata ia dapat menjalinkan hubungan yang lebih mesra antara rakyat Semenanjung dengan penduduk tempatan.

Ta juga bagi membolehkan para menteri persekutuan mengenali Sarawak secara lebih dekat lagi melalui jadual lawatan masing-masing semasa berada di negeri ini, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir dan anggota kabinetnya itu telah diherikan taklimat mengenai pembangunan sosio-ekonomi Sarawak selama kira-kira satu setengah jam oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Negeri Sarawak, Dr Nik Thrahim bin Nik Mahmood.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Timbalannya, Datuk Amar Alfred Jabu serta beberapa orang anggota kabinet negeri. -- Bernama.